



PENYOKONG—penyokong setia Barisan Nasional sedang berbaris dengan memakai baju yang dihiasi oleh gambar Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu menanti ketibaan beliau di satu upacara perletakan batu asas di Kluang semalam.

Mahathir: Negara perlukan kerajaan yang disokong oleh semua kaum

KLUANG, 16 April.—Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat bahawa negara kita ini tidak boleh dibangunkan oleh sebuah kerajaan yang hanya disokong oleh satu kaum atau satu golongan sahaja.

Tegasnya, sebagai sebuah negara berbilang kaum, termasuk yang mempunyai suara yang kecil, negara ini memerlukan kerajaan yang disokong oleh semua kaum dan wakil-wakil rakyatnya yang dapat memberi layanan kepada semua kaum.

Menurut Perdana Menteri, kalau kerajaan yang memerintah negara ini hanya disokong satu kaum sahaja sudah tentu ia tidak dapat memberi layanan kepada semua kaum kerana kaum yang menyokongnya itu tadi tidak akan bersetuju.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap di majlis meletakkan batu asas Makmal Sains Sekolah Menengah Chong Hwa bernilai \$2.5 juta di sini petang ini.

Katanya, wakil-wakil rakyat yang hanya mendapat sokongan dari satu kaum atau golongan tidak akan dapat memberikan layanan yang boleh memberi faedah kepada semua kaum kerana ia akan ditentang oleh kaumnya sendiri.

Beliau mengingatkan bahawa sebaik-baik wakil rakyat yang dipilih mewakili sesuatu kawasan itu ialah yang boleh diterima oleh semua kaum dan mempunyai hubungan dengan kerajaan yang memerintah kerana ia boleh menyampaikan masalah-masalah rakyat kepada kerajaan.

Sebaliknya katanya, wakil rakyat yang hanya membangkang kepada kerajaan yang memerintah tidak akan mendedahkan apa-apa faedah kepada rakyat di kawasan yang diwakilinya.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa negara Malaysia yang mempunyai penduduk

Oleh: SHUKOR ISMAIL

berbilang kaum amat penting pemimpin-pemimpinnya membela-kangkan soal-soal perkauman.

Katanya, masalah perkauman di negara ini tidak boleh memberikan sebarang faedah kepada rakyat dan hakikat ini hendaklah difahami dan diinsafi oleh semua golongan rakyat yang masih mengharapkan bantuan dan faedah dari kerajaan.

Perdana Menteri membidas golongan pemimpin yang suka menimbulkan masalah perkauman di negara ini yang semata-mata untuk menguatkan kekuasaan diri sendiri.

Perpaduan

Tegasnya, Kerajaan Barisan Nasional yang mewakili semua kaum di negara ini akan meneruskan pembangunannya untuk faedah semua rakyat tanpa mengira apa juga kaumnya.

Beliau berkata, rakyat semua kaum telah hidup cara persahabatan begitu erat di antara satu sama lain di negara ini termasuk di Sabah dan Sarawak dan keadaan ini amat membanggakan kerajaan, tetapi bagaimanapun ada juga setengah-setengah pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan yang sedia wujud itu.

Beliau berharap rakyat Malaysia yang mempunyai pandangan dan fahaman yang jujur dan ikhlas supaya menolak segala usaha golongan yang berhasrat hendak memecahbelahkan perpaduan di negara ini.

Mengenai masalah pelajaran Perdana Menteri berkata dasar pelajaran di negara ini sudah jelas

menunjukkan bahawa semua rakyat mempunyai kebebasan mempelajari apa juga pelajaran.

Begitu juga katanya, masalah bahasa di negara ini kerajaan tidak menyekat penggunaan berbagai bahasa kerana kerajaan yang ada ialah diperintah oleh pemimpin-pemimpin berbagai kaum.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia